

Penduduk dua daerah di Perak pindah akibat banjir

TELUK INTAN - Banjir di dua daerah di sini dilaporkan semakin buruk apabila beberapa lagi kampung dinaiki air manakala jumlah penduduk yang dipindahkan meningkat.

Di Hilir Perak, lebih 600 penduduk dipindahkan di tiga pusat pemindahan sementara yang dibuka sejak petang kelmarin.

Antara kawasan yang terjejas teruk termasuk Kampung Ayer Hitam, Kampung Tukang Sidin, Sungai Kerawai, Kampung Batu 8 Changkat Jong, Kampung Selat Manggis, Kampung Batak Rabit, Kampung Jawa, Kampung SC dan Kampung Tengah.

Sehingga pukul 10 pagi semalam, 336 penduduk di Kampung Ayer Hitam dipindahkan di pusat pemindahan sementara diikuti Changkat Jong (125 orang), Kampung Tukang Sidin (120 orang) dan Kampung Sungai Ke-

rawai (107 orang).

Jurucakap bilik gerakan banjir Hilir Perak berkata, sebahagian kecil penduduk di Kampung Ayer Hitam, Changkat Jong dan Kampung Tukang Saidin sudah dibenarkan pulang ekoran keadaan air yang mula surut.

"Bagaimanapun, terdapat beberapa kawasan masih dinaiki air terutamanya di Kampung Selat Manggis dan Kampung Sungai Kerawai apabila semua 107

mangsa masih ditempatkan di Sekolah Kebangsaan Sungai Kerawai," katanya.

Dalam pada itu, di Kerian, seramai 83 penduduk melibatkan 22 keluarga di lima buah kampung berhampiran Tasik Bukit Merah merupakan kumpulan penduduk pertama yang dipindahkan selepas kediaman mereka dinaiki air sedalam satu meter.



Banjir



PENDUDUK Kampung Sungai Kerawai terpaksa memindahkan barangan ke atas jalan raya berikutan rumah mereka mula ditenggelami banjir di Teluk Intan semalam.